



# **PELAKSANAAN ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT DI PULAU PINANG : KEBERKESANAN, ISU & CABARAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Dr. Vishanthini a/p Kanasan

Dewan Serbaguna Bizmilla Simpang Ampat

7 Mac 2024



# PERKARA

3

**PROSES PENGGUBALAN ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG**

4

**WARTA KERAJAAN ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010**

5

**PROSES KERJA ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010**

6

**PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG (AKSES KEPADA MAKLUMAT) 2014**

8

**KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA RAYUAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2014**

10

**CONTOH SENARAI PERMOHONAN MAKLUMAT DI BAWAH ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010**

11

**ISU DAN CABARAN**



# PROSES PENGGUBALAN ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG

- 1 November 2010** Dewan Undangan Negeri telah meluluskan usul menyegerakan Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat Pulau Pinang bernama enakmen : bertujuan untuk memperuntukkan bagi penzahiran maklumat bagi kepentingan awam dan peluang untuk mengakses maklumat yang dibuat oleh setiap jabatan Kerajaan Negeri
- 10 Mei 2011** Dewan Undangan Negeri telah meluluskan usul untuk menangguhkan bacaan kali kedua dan kali ketiga Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang 2010 memandangkan Jawatankuasa Pilihan masih di dalam proses penilaian menyeluruh melibatkan semua pihak dalam rundingan awam.
- 2 Februari 2012** Penwartaan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010
- 1 Januari 2015** Penguatkuasaan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010



# ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

## Bahagian II : Pegawai Maklumat

PBN boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, melantik Pegawai Maklumat bagi tiap-tiap jabatan, termasuk dari kalangan pegawai yang sedia ada dari tiap-tiap jabatan

## Bahagian III : Akses Kepada Maklumat

- Permohonan untuk maklumat
- Maklum balas permohonan (mengikut tempoh yang ditetapkan)
- Penolakan dan pemindahan untuk maklumat (seksyen 11)

## Bahagian IV : Maklumat Dikecualikan

- Maklumat peribadi
- Maklumat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- Maklumat prosiding mahkamah
- Pendedahan maklumat yang akan menjadi penghinaan kepada DUN
- Maklumat sulit
- Maklumat yang membawa kesan kepada Ekonomi Negari
- Kesihatan dan keselamatan
- Maklumat yang mempengaruhi penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang
- Pelanggaran hak cipta
- Maklumat sedia ada kepada orang awam

# PROSES KERJA ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

## PERMOHONAN UNTUK MENGAKSES MAKLUMAT

Permohonan untuk mengakses maklumat dikemukakan kepada Jabatan berserta fi permohonan yang ditetapkan dalam Peraturan

## PENERIMAAN PERMOHONAN

Pegawai Maklumat mengaku terima permohonan dan memberikan sesalinan akuan terima dan resit bayaran fi permohonan kepada pemohon.

## PEMROSESAN PERMOHONAN

Pemprosesan permohonan oleh Pegawai Maklumat hendaklah dibuat dalam tempoh masa 14 hari bekerja dari tarikh akuan terima permohonan, melainkan sekiranya permohonan melibatkan nyawa atau kebebasan individu yang perlu diproses dalam masa 48 jam dan boleh dilanjutkan sehingga tujuh (7) hari dari tarikh akuan terima permohonan tersebut.

## AKSES KEPADA MAKLUMAT / RAYUAN KEPADA LEMBAGA RAYUAN

Sekiranya permohonan diluluskan, pemohon akan diberikan akses kepada maklumat selepas pembayaran penuh fi dibuat.

Sekiranya permohonan ditolak dan pemohon tidak berpuas hati, rayuan boleh dikemukakan kepada Lembaga Rayuan dengan mengemukakan representasi bertulis dalam tempoh 21 hari selepas dari tarikh penerimaan notis memaklumkan keputusan.

## MAKLUM BALAS PERMOHONAN

Maklum balas bertulis dikemukakan kepada pemohon dalam tempoh masa pemprosesan permohonan seperti yang dinyatakan.

# Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (Akses Kepada Maklumat) 2014

## SENARAI BORANG

JENIS BORANG	KEGUNAAN	TEMPOH MASA
Borang A Jadual Pertama	Dikemukakan oleh pemohon untuk mendapatkan akses kepada maklumat melalui Pegawai Maklumat	-
Borang B Jadual Pertama	Pemakluman pemindahan permohonan kepada pemohon	Dalam tempoh <b>14 hari bekerja</b> dari tarikh permohonan diterima oleh jabatan
Borang C Jadual Pertama	Pegawai Maklumat memberi maklum balas bertulis kepada pemohon	Dalam tempoh <b>14 hari bekerja</b> dari tarikh akuan terima permohonan; atau <b>48 jam &amp; boleh dilanjutkan sehingga 7 hari</b> dari tarikh akuan terima permohonan bagi permohonan berkaitan nyawa / kebebasan orang individu



# Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2014

## Memfail rayuan

Difailkan oleh perayu melalui suatu representasi bertulis dalam tempoh **21 hari** dari tarikh keputusan itu disampaikan

## Tugas Pendaftar Apabila Representasi Bertulis Difailkan

Dalam tempoh **10 hari** - Pendaftar perlu menyampai sesalinan representasi bertulis kepada Pegawai Maklumat

## Penyediaan & Penghantaran Pernyataan, Alasan & Dokumen

Dalam tempoh **30 hari setelah menerima representasi bertulis** - Pegawai Maklumat hendaklah menyerahkan kepada Pendaftar, dokumen yang disebut

# Senarai Borang Yang Melibatkan Lembaga Rayuan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2014

JENIS BORANG	TINDAKAN	NOTA
Borang A Jadual Kedua	Rayuan difailkan di Pejabat Pendaftar & dikemukakan beserta fi kepada Lembaga Rayuan	Permohonan rayuan tidak akan difailkan sekiranya dikemukakan lewat daripada <b>21 hari</b> dari tarikh keputusan itu disampaikan
Borang B Jadual Kedua	Pendaftar menyampaikan kepada perayu suatu notis - meminta perayu membayar perbelanjaan penyediaan rekod rayuan	Dalam tempoh masa <b>14 hari</b> dari tarikh notis
Borang C Jadual Kedua	Pendaftar hendaklah memaklumkan kepada perayu berkenaan tarikh, masa dan tempat perbicaraan rayuan	Sekurang-kurangnya <b>10 hari</b> sebelum tarikh perbicaraan rayuan



# Senarai Borang Yang Melibatkan Lembaga Rayuan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2014

JENIS BORANG	TINDAKAN	NOTA
Borang D Jadual Kedua	Pendaftar menyampaikan 1 salinan keputusan Lembag Rayuan kepada setiap pihak yang terlibat	-
Borang E Jadual Kedua	-	Saman kepada saksi supaya menghadiri perbicaraan Lembaga Rayuan
Borang F Jadual Kedua	-	Saman untuk mengemukakan dokumen kepada Lembaga Rayuan



# CONTOH SENARAI PERMOHONAN MAKLUMAT DI BAWAH ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010

BIL.	TAJUK PERMOHONAN	TAHUN PERMOHONAN	NAMA/ AGENSI PEMOHON
1.	Perjanjian Tambakan Laut E&O Bhd Dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	2015	Heng See Lin
2.	Kegunaan Peruntukan ADUN Dan MP	2016	Leow Joon Weng Sinar Project
3.	Warta Kerajaan Borang E untuk Lot 9210 dan 9211 Mukim 14, SPS	2020	LHDN Cawangan Siasatan Pulau Pinang, Tingkat 12, Wisma MTT, NO.26 Pengkalan Weld.
4.	Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Warga Asing Di Negeri Pulau Pinang Yang Telah Dipakaiguna Untuk Meluluskan Projek Yang Sedia Ada Seperti Westlite Bukit Minyak Dan Juga Perubahan (Sekiranya Ada) Yang Telah Dibuat Setakat Ini Bersama Dengan Tarikh Berkaitan	2022	Low Chia Ming



# ISU DAN CABARAN

1

**MAKLUMAT  
YANG  
DIMOHON  
MERUPAKAN  
MAKLUMAT  
YANG  
DIKECUALIKAN**

2

**KEKERAPAN  
PERTUKARAN  
PEGAWAI  
MAKLUMAT  
YANG PERLU  
DIANGKAT  
KELULUSAN  
MMKN &  
DIWARTAKAN**

3

**PERTINDIHAN  
MAKLUMAT  
YANG  
DIMOHON  
MENGIKUT  
MAKLUMAT  
NEGERI /  
PERSEKUTUAN**

4

**PELANTIKAN  
AHLI LEMBAGA  
RAYUAN  
SETIAP 3  
TAHUN PERLU  
MENDAPAT  
KELULUSAN  
MMKN & DUN**



# TERIMA KASIH

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

